

11 JUL 2000

EMBARGO (0001/12 Julai)

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA REPUBLIK KIRIBATI

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Teburoro Tito dari Republik Kiribati sempena Hari Kemerdekaan negara itu esok.

"Harapan kami semoga hubungan persahabatan antara kedua-dua negara akan berterusan pada tahun-tahun akan datang," titah Seri Paduka Baginda dalam peruntusannya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga menghantar perutusan serupa kepada presiden itu berkata beliau yakin bahawa di bawah kepimpinan Tito, Kiribati akan terus mencapai kemajuan dan kemakmuran.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan kepada Tito yang juga menteri luar.

-- BERNAMA

NM LAT MAI